

### **Theloderma licin**

Famili : Rhacophoridae  
Genus : *Theloderma*  
Spesies : *Theloderma licin*



*Theloderma licin* merupakan sejenis spesies katak yang penemuannya baru direkodkan bagi Semenanjung Malaysia dan Selatan Thailand. Ianya telah direkodkan semasa Ekspedisi Saintifik Kepelbagaian Biologi Hutan Ulu Muda, Kedah. Katak ini mempunyai bentuk badan yang tirus, bahagian kepala yang lebih panjang berbanding kelebaran badannya, dan kulitnya kurang berkutil berbanding spesies lain dalam genus yang sama. Spesies katak ini dijumpai di kawasan tumbuhan paku pakis (15 cm lebar) yang tumbuh pada tebing curam akibat kesan pembinaan jalan hutan untuk aktiviti pengusahaan.